

32

Penggunaan Kaedah Akrostik Dalam Pengajaran Imbuhan ‘meN-’

Sekolah Rendah Ahmad Ibrahim



Siti Aishah Junaidi

siti_aishah_junaidi@schools.gov.sg



Halina Taib

halina_taib@schools.gov.sg

Abstrak

Murid masih menghadapi kesukaran menggunakan imbuhan ‘meN-’ dengan tepat dalam latihan penulisan. Hal ini sangat ketara dalam penggunaan imbuhan yang melibatkan proses pengguguran pada perkataan berhuruf awalan p,t,s,k pada kata dasarnya. Masalah ini menjejaskan prestasi murid dalam kemahiran menulis terutama latihan karangan. Kaedah akrostik dijalankan untuk membantu pemahaman murid dalam menggarap konsep imbuhan ini dengan berkesan. Kaedah ini dapat meningkatkan keyakinan murid semasa menulis karangan. Murid dapat menggunakan imbuhan dengan tepat dalam kemahiran menulis. Penggunaan bahan ICT yang sesuai dalam portal SLS juga telah diterapkan dalam pengajaran imbuhan ini untuk menyuntik elemen keseronokan dalam pembelajaran.

Kata Kunci: imbuhan, kemahiran menulis, kaedah akrostik



PENGENALAN

Penggunaan imbuhan yang betul dan tepat amat penting bagi penulisan dan pertuturan yang gramatis dalam kalangan murid. Oleh itu, pengajaran imbuhan perlu diterapkan secara berterusan dan berkesan ketika murid masih dalam peringkat sekolah rendah lagi. Oleh sebab imbuhan juga merupakan salah satu komponen yang diuji dalam peperiksaan di peringkat sekolah rendah, maka memahami konsep imbuhan dengan betul amatlah perlu bagi setiap murid.

Pengajaran imbuhan merupakan satu proses yang bukan mudah bagi guru Bahasa Melayu. Maka itu, guru terpanggil untuk mempelbagaikan teknik atau cara mengajar yang sesuai dengan tahap keupayaan dan pemahaman murid agar murid dapat menggarap konsep imbuhan dengan lebih mudah. Di sinilah letaknya peranan guru bagi memastikan agar objektif pembelajaran itu dapat dicapai. Menurut Slavin (1997), pembelajaran ialah proses aktif minda yang berfokus kepada maklumat penting, menapis maklumat tidak penting dan menggunakan maklumat sedia ada bagi membina pemahaman. Oleh sebab prinsip umum teori pembelajaran kognitif lebih mementingkan proses belajar daripada hasil, kajian dijalankan dengan menggunakan pendekatan kaedah akrostik. Kaedah ini merupakan instrumen bagi membantu pemahaman murid akan apa yang dipelajari. Hal ini penting kerana ia menjadi asas kepada guru untuk membuat keputusan bijak berhubung dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah. Dalam melaksanakan kaedah ini, guru hanya bertindak sebagai pemudah cara dan pembelajaran akan lebih berkisar pada murid dengan panduan formula, iaitu kaedah akrostik yang diberikan.

PERNYATAAN MASALAH

Guru-guru bahasa Melayu di Sekolah Rendah Ahmad Ibrahim amat prihatin akan cabaran yang perlu dilalui bagi mengajar imbuhan 'meN-', terutama sekali jika melibatkan proses pengguguran pada perkataan berhuruf awalan p,t,s,k pada kata dasarnya. Apatah lagi apabila ada dalam kalangan murid yang mengambil subjek Bahasa Melayu tetapi mereka bukan penutur jati bahasa Melayu dan juga bukan berbangsa Melayu. Bagi murid-murid Melayu pula, mereka mudah lupa tentang pengguguran yang berlaku apabila imbuhan 'meN-' digabungkan dengan kata dasar yang bermula dengan huruf-huruf p,t,s,k.

Berdasarkan pengamatan guru yang mengajar Bahasa Melayu, kelemahan dalam menggunakan imbuhan 'meN-' yang tepat menjadi salah satu isu utama yang menjejaskan pembinaan struktur ayat yang menjadi tunjang penulisan dalam karangan murid. Murid juga sering terlupa bahawa mereka perlu menggugurkan huruf-huruf tertentu supaya pengimbuhan perkataan itu betul. Hal ini semakin meruncing apabila murid terdedah dengan penggunaan bahasa pasar yang tidak mementingkan ketepatan atau kesesuaian penggunaan imbuhan 'meN-' dalam komunikasi seharian mereka. Justeru, tindakan segera perlu dilakukan bagi mengatasi masalah ini.

Mengajar konsep imbuhan boleh membosankan murid jika mereka tidak dapat menggarap konsep yang diajarkan. Pembelajaran imbuhan mudah difahami oleh murid setelah guru mengenalkan satu pendekatan pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Teknik menggunakan formula yang mudah diingat dan diharap dapat memberi keyakinan kepada murid dalam menggunakan imbuhan 'meN-' dengan betul berdasarkan konteks. Kajian ini, diharapkan dapat meningkatkan pemahaman murid memahami proses pengguguran imbuhan 'meN-' apabila bertemu perkataan yang bermula dengan huruf p,t,s,k pada awal kata dasar. Keyakinan dan pemahaman murid dalam menggarap konsep imbuhan ini dapat membantu penulisan mereka. Penerapan penggunaan ICT dan aktiviti menarik seperti kuiz dapat merangsang minat murid dalam kajian ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:


1. melihat keberkesanan pendekatan kaedah Akrostik (sony pam tin kosong) dalam proses imbuhan pada awal kata dasar yang berhuruf p,t,s,k; dan
2. meningkatkan keyakinan dan kemahiran menulis murid dengan penggunaan imbuhan yang tepat.

KAJIAN LEPAS

Pengajaran yang dijalankan selalunya merujuk pada Taksonomi Bloom (1956) sebagai panduan. Taksonomi Bloom merupakan kerangka dasar terhadap pembangunan kognitif murid dalam sesuatu pembelajaran. Taksonomi Bloom terbahagi pada 6 aras yang progresif. Setiap aras menekankan pada aspek

kemahiran tertentu yang dikehendaki murid. Sila rujuk Rajah 1 bagi aras pengetahuan Taksonomi Bloom.

Rajah 1: Aras Pengetahuan Taksonomi Bloom



Aras yang paling mudah bagi kelompok murid sekolah rendah ialah aras pengetahuan. Kamarudin Hj. Husin (1996) dalam *Pedagogi Bahasa* menerangkan bahawa aras pengetahuan menekankan aspek menghafal dan mengingat. Murid perlu mengingat semula perkara-perkara yang telah dipelajari dan menghafal sesuatu pengetahuan melalui simbol-simbol khusus. Gunawan dan Retno (2012) menyetujui pandangan ini dengan menerangkan simbol-simbol khusus ini tidak lain terhasil daripada satu acuan yang konkrit yang mendasari sesuatu pengetahuan.

Lantas, kajian ini memfokuskan pada konsep imbuhan yang dapat disifatkan sebagai satu bidang pengetahuan yang konkrit dan sukar untuk dikuasai. Justeru, mengenalkan simbol-simbol tertentu seperti penggunaan kaedah akrostik ialah alat yang tepat sebagai pemangkin bagi murid mencapai pemahaman yang jitu dalam bidang ini.

Kaedah akrostik dapat membantu pemahaman murid. Menurut Harianti (2008: 57), akrostik merupakan cara mengingat dengan mengambil huruf depan daripada perkataan yang akan diingat. Hal ini diperkuat dengan pendapat Sutrisno (2008) yang menyebutkan bahawa, akrostik merupakan penggunaan setiap huruf pertama dari suatu kelompok kata dan suku kata-suku kata lainnya sehingga menjadi suatu ayat.

Kaedah akrostik dapat membantu murid mengingat informasi lebih cepat dan menyimpannya di dalam minda dengan lebih lama. Ini sesuai dengan pembelajaran konsep imbuhan yang sukar dikuasai murid jika tiada pengetahuan asas tentang pengimbuhan. Maka kaedah akrostik ini digunakan untuk memperkukuh daya mengingat.


Di samping itu, pembelajaran perlu disuntik dengan elemen keseronokan. Pembelajaran ini telah digabungkan dengan penggunaan ICT. Pembelajaran yang menerapkan penggunaan ICT telah banyak menambah nilai PdP. ICT membantu meningkatkan kualiti pembelajaran dari sudut masa yang lebih pantas untuk mendapatkan respons sekali gus membolehkan banyak lagi aktiviti untuk dijalankan. Bagi murid yang serba celik IT, pengajaran yang menerapkan ICT dapat menarik minat mereka untuk melibatkan diri dan memberi sepenuh perhatian pada pengajaran.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi melihat keberkesanan pendekatan kaedah akrostik (sory pam tin kosong) dalam proses imbuhan 'meN-' di awal kata dasar yang berhuruf p,t,s,k. Kaedah ini sesuai dengan Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang menekankan pada Aspek Pengajaran (AP) Merangsang Minat, Menyemak Pemahaman dan Memberi Maklum Balas. Akrostik yang digunakan bagi kajian ini merupakan bentuk tulisan di mana kata dasar yang bermula dengan huruf p,t,s,k diberi imbuhan 'meN-' dan diikuti dengan ayat yang memberi makna tertentu. Oleh itu, dengan pemahaman ini, diharapkan murid dapat mengingat dan membiasakan diri dengan menggunakan imbuhan yang tepat dalam penulisan dan pertuturan mereka sama ada dalam konteks rasmi ataupun tidak rasmi.

Kaedah Akrostik yang digunakan sebenarnya adalah hasil pengamatan terhadap perkongsian daripada Profesor Dr. S Vijaya Letchumy dalam kertas ucaptamanya di Majlis Ulang Tahun ke-10, Pusat Bahasa Melayu Singapura pada 23 November 2020.

Dalam perkongsiannya itu, Profesor Dr. S Vijaya Letchumy telah menggunakan pendekatan kaedah akrostik ketika mengajar konsep imbuhan 'meN-' yang melibatkan perkataan berhuruf awalan p,t,s,k pada kata dasarnya. Kaedah yang digunakan ini telah diteliti secara mendalam oleh guru bahasa



Melayu di Sekolah Rendah Ahmad Ibrahim sebelum keputusan dibuat untuk menjalankan uji cuba ke atas murid-murid.

Selain kaedah akrostik yang menjadi tunjang utama pembelajaran, elemen keseronokan juga digunakan bagi menggalak pelibatan setiap murid dalam PdP. Elemen yang digunakan bagi menyuntik minat ke dalam diri murid adalah penggunaan ICT seperti aplikasi Kahoot! dan juga portal Ruang pembelajaran Pelajar (SLS).

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 32 murid Darjah 4 dari dua kelas yang berlainan. Kelas pertama terdiri daripada 25 murid melebihi aras pencapaian (HP) dan pada aras pencapaian (MP). Kelas yang kedua pula terdiri daripada 7 murid praaras pencapaian (LP).

Kajian yang dilakukan menggunakan kaedah yang sama ke atas kedua-dua kumpulan murid tersebut. Ini bagi memastikan guru mendapat keputusan dan hasil tindak balas yang autentik daripada kedua-dua kumpulan murid ini.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian termasuklah komputer riba yang digunakan guru untuk menunjukkan slaid-slaid pengajaran, peranti iPad untuk kegunaan murid supaya guru dapat menilai pengetahuan sedia ada murid pada awal PdP seperti kuiz dalam aplikasi Kahoot! dan portal SLS. Kad formula juga diberikan kepada murid semasa PdP tentang imbuhan dijalankan. Papan putih pula digunakan untuk menilai pemahaman murid secara formatif sepanjang PdP dijalankan. Di dalam slaid Powerpoint pula, guru ada memasukkan gambar-gambar yang sesuai bagi menerangkan makna perkataan yang diberikan. Ini dapat membantu murid bukan penutur jati bahasa Melayu memahami makna perkataan-perkataan itu.

Bagi melaksanakan kajian ini, kaedah akrostik telah digunakan. Daripada huruf-huruf p,t,s,k satu formula yang sangat mudah telah dibentuk untuk diingat oleh murid ketika melakukan proses pengimbuhan 'meN-' ke atas kata dasar yang berawalan p,t,s,k. Murid hanya perlu memahami formula yang diberikan bagi melakukan proses pengimbuhan dengan betul. Formula yang diberikan kepada murid adalah seperti berikut: **Sony Pam Tin Kosong**. Pada dasarnya,

ayat 'sony pam tin kosong' merupakan ayat tunggal yang gramatis. Dengan hanya empat patah perkataan, murid mudah mengingatnya. Kad formula ini juga diberikan kepada setiap murid semasa PdP dijalankan.

Namun begitu, guru harus memastikan bahawa ada kekecualian bagi beberapa kata dasar yang bermula dengan huruf t dan p. Contohnya, ternak dan pelawa serta terdapat beberapa perkataan lain yang tidak bertukar huruf di depannya. Maka guru harus prihatin agar tidak memasukkan perkataan-perkataan berikut ketika memberi contoh dan membuat penilaian ke atas pemahaman murid. Penerangan tentang hal ini boleh dilakukan di lain masa.

Selain itu, penggunaan ICT juga diterapkan bagi membantu guru mendapatkan hasil penilaian terhadap pemahaman murid sebelum dan selepas kajian dijalankan. Bahan ICT yang digunakan ini merupakan instrumen penting kerana keberkesannya memberikan maklum balas yang cepat bagi memantau pemahaman murid. Tambahan, murid juga diberi peluang untuk menilai pembelajaran mereka secara sendiri.


Prosedur kajian

Kajian yang dijalankan ini terbahagi kepada tiga langkah, iaitu praujian, proses pembelajaran dan pascaujian. Setiap langkah tersebut memainkan peranan bagi menilai kebolehan dan pemahaman murid.

Dalam praujian, aplikasi Kahoot! telah digunakan untuk melihat sejauh mana kebolehan murid dalam menggunakan imbuhan 'meN-' dengan betul. Dalam proses pembelajaran pula, murid didedahkan sekali lagi dengan kuiz berpasangan yang menggunakan papan putih mini untuk menulis jawapan. Mereka perlu merujuk kepada soalan-soalan kuiz yang dipaparkan melalui slaid yang disediakan. Ini dilakukan setelah formula akrostik tadi sudah diajarkan kepada murid. Akhir sekali, bagi pascaujian, murid dikehendaki menyelesaikan tugas yang diberikan dalam portal SLS.

Praujian

Dalam fasa praujian, aplikasi Kahoot! telah digunakan bagi menilai keupayaan murid dalam memahami penggunaan imbuhan 'meN-'. Sebanyak 12 kata dasar yang mengandungi huruf berawalan p,t,s,k digunakan bagi tujuan ini. Dalam proses praujian ini, kata dasar yang diuji merupakan perkataan-perkataan



lazim yang murid sering temui dalam latihan tatabahasa mereka. Bahagian kuiz ini merupakan bahagian yang menyeronokkan bagi murid kerana mereka dapat menguji kebolehan masing-masing dalam penilaian yang berbentuk permainan.

Proses Pembelajaran

Selepas menilai dapatan hasil permainan kuiz di Kahoot!, guru memperkenalkan murid dengan kaedah akrostik sebagai formula utama. Formula utama yang digunakan ialah akrostik **Sony Pam Tin Kosong**. Perkataan ‘sony’ dengan huruf ‘s’ dan ‘y’ bergaris bawah, menunjukkan bahawa huruf s akan ditukar kepada huruf y apabila mengalami pengimbuhan ‘meN-’. Begitu juga dalam perkataan ‘pam’, huruf p ditukar kepada huruf ‘m’. Dalam perkataan ‘tin’ pula, huruf ‘t’ ditukar kepada n dan dalam perkataan ‘kosong’, huruf ‘k’ ditukar kepada ‘ng’.

Pascaujian

Murid dikehendaki menyelesaikan tugas sendiri dalam portal SLS. Dua kuiz yang mempunyai 5 soalan telah dijalankan di ruangan tersebut. Pada akhir tugas dalam portal SLS, terdapat ruang yang membolehkan murid memberikan maklum balas tentang keyakinan mereka menggunakan formula akrostik serta membuat refleksi pembelajaran pada hari itu.

Setelah itu, murid akan melakukan kuiz Kahoot! sekali lagi bagi memantau pemahaman mereka. Kali ini, kemajuan yang amat ketara dapat dilihat menerusi jawapan yang diberikan murid.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian guru dan maklum balas murid, murid didapati lebih yakin menggunakan imbuhan yang tepat apabila kata dasar bermula dengan huruf p,t,s,k diimbuhkan dengan imbuhan ‘meN-’. Mereka dapat memahami dan melihat kaitan dalam formula **Sony Pam Tin Kosong** yang telah dapat membantu mereka mengaplikasikan proses pengimbuhan itu. Kaedah ini juga telah banyak membantu murid bukan penutur jati bahasa Melayu menjadi lebih yakin mengimbuhan perkataan dengan betul walaupun ada perkataan yang mereka tidak memahami maknanya. Sila lihat Jadual 1 dan 2 di bawah ini.

Jadual 1: Dapatan Kuiz Daripada Aplikasi Kahoot! Bagi Murid Kumpulan 1

No	Perkataan	Praujian (Murid HP dan MP) Jumlah Murid: 25/27		Pascaujian (Murid HP dan MP) Jumlah Murid: 25/27	
		Betul	Salah	Betul	Salah
1	pikul	24	1	23	1
2	tebal	12	12	22	2
3	sikat	15	10	23	1
4	kira	14	11	24	0
5	perah	12	13	23	1
6	telan	12	13	23	1
7	sebut	20	5	24	0
8	kayuh	16	9	23	1
9	paksa	18	7	24	0
10	tiru	15	10	23	1
11	sengat	19	6	24	0
12	kopek	13	12	21	3

Jadual 2: Dapatan Kuiz Daripada Aplikasi Kahoot! Bagi Murid Kumpulan 2


No	Perkataan	Praujian (Murid LP) Jumlah Murid: 7/11		Pascaujian (Murid LP) Jumlah Murid: 7/11	
		Betul	Salah	Betul	Salah
1	pikul	2	5	8	0
2	tebal	1	6	8	0
3	sikat	4	3	6	2
4	kira	2	5	7	1
5	perah	2	5	6	2
6	telan	5	2	7	1
7	sebut	2	5	6	2
8	kayuh	5	2	7	1
9	paksa	4	3	6	2
10	tiru	4	3	7	1
11	sengat	4	3	6	2
12	kopek	5	2	7	1

Berdasarkan kuiz Kahoot! yang telah dijalankan buat kali kedua, kajian menunjukkan peningkatan yang ketara dalam jumlah jawapan yang dijawab dengan tepat. Terdapat hanya satu atau dua murid sahaja yang tidak dapat

menjawab soalan dengan betul. Murid juga dapat menjawab dengan lebih pantas buat pusingan ini. Ini menunjukkan murid sudah lebih yakin dan pasti akan imbuhan yang patut dibubuhkan.

Kaedah ini didapati memudahkan pemahaman murid akan penggantian huruf yang berlaku dalam proses pengimbuhan seperti yang disebutkan tadi. Rajah 2 ialah contoh kad formula yang diberikan kepada murid sebagai panduan dan rujukan semasa PdP dijalankan.

Rajah 2 : Kad Rujukan Akrostik Bagi Murid



Berbandukan kad rujukan ini, murid melakukan aktiviti seterusnya secara berpasangan. Kali ini, guru menayangkan pula di slaid Powerpoint, gambar-gambar watak dengan aksi yang berbeza-beza. Aksi yang berbeza-beza ini diikuti dengan kata dasar yang bermula dengan huruf p,t,s,k. Bagi setiap slaid yang mengandungi kata dasar, murid perlu berbincang secara berpasangan bagi menjawab soalan imbuhan 'meN-'. Setiap pasangan menggunakan papan putih untuk menulis jawapan mereka dalam masa yang ditetapkan. Dalam proses ini, berlaku perbincangan yang menggalakkan murid berfikir. Murid merujuk kad formula untuk memastikan ketepatan jawapan mereka. Selepas menulis jawapan murid mengangkat papan putih mini mereka secara serentak. Di sini, guru melakukan penilaian secara formatif dengan melihat sama ada jawapan yang diberikan betul atau salah. Sekiranya masih ada murid yang memberi banyak jawapan salah, guru boleh mengulangi pengajaran sehingga murid benar-benar faham.

Dalam Kumpulan 1, 18 murid mendapat sekurang-kurangnya 4 markah dalam kuiz pertama di portal SLS. Ini bermaksud hampir 70 peratus murid berjaya mendapat sekurang-kurangnya 80 peratus jawapan yang betul.

Satu tinjauan tentang keyakinan murid menggunakan kaedah akrostik ini juga telah dijalankan di portal SLS. Ramai murid akui bahawa mereka tahu menggunakan formula akrostik walaupun baru diajarkan pada hari itu. Rajah 3 menunjukkan hasil maklum balas bagi Kumpulan 1.

Rajah 3: Dapatan Maklum Balas tentang Pemahaman Kaedah Akrostik Di Portal SLS Bagi Kumpulan 1 (Murid HP dan MP)




Maklum balas murid tentang pelajaran hari itu juga sangat menggalakkan. Sebilangan murid setuju bahawa pelajaran pada hari itu sangat menarik. Ramai murid yang mengatakan mereka sangat teruja kerana dapat menggunakan iPad dan bermain dengan permainan dalam talian seperti Kahoot!. Rajah 4 merupakan dapatan maklum balas murid bagi Kumpulan 1.

Rajah 4: Dapatan Maklum Balas Tentang Pelajaran Imbuhan 'MeN-' Di Portal SLS Bagi Kumpulan 1 (Murid HP Dan MP)




Murid LP juga memberikan maklum balas yang memberangsangkan. Ada antara kumpulan murid ini terdiri daripada mereka yang bukan Melayu. Kaedah akrostik yang telah diajar secara berulang-ulang melalui contoh-contoh berserta gambar telah membantu mereka melihat bentuk tertentu semasa memilih jawapan. Oleh itu, mereka bergantung pada kad formula yang mereka terima. Keseronokan dapat mereka rasakan semasa menjawab kuiz Kahoot! dan perbincangan berpasangan. Ini dapat dilihat dalam Rajah 5.

Rajah 5: Dapatan Maklum Balas Tentang Pemahaman Kaedah Akrostik Di Portal SLS Bagi Kumpulan 2 (Murid LP)



Rajah 6: Dapatan Maklum Balas Tentang Pelajaran Imbuhan 'MeN-' Di Portal SLS Bagi Kumpulan 2 (Murid LP)



Murid juga terhibur dengan adanya kuiz yang dijalankan melalui aplikasi Kahoot! serta kerja berpasangan. Aktiviti begini telah membuat mereka berasa lebih seronok kerana guru telah mencipta persekitaran yang selesa serta membantu mereka berfikir dengan tenang. Latihan pengukuhan melalui SLS juga telah memberi peluang kepada murid menilai sejauh mana pemahaman mereka tentang apa yang telah mereka pelajari.

CADANGAN

Setiap proses pembelajaran akan menghadapi banyak cabaran terutama sekali apabila perancangan yang teliti tidak dilakukan sebaik mungkin sebagai pada tahap penyediaan. Walaupun, sesuatu rancangan pengajaran itu sudah diteliti dengan sepenuhnya, masih berlaku juga perkara-perkara yang tidak dijangkakan yang akan mengganggu kelancaran pembelajaran tersebut. Dalam proses pembelajaran yang dilakukan ini, guru dapati bahawa

penggunaan portal SLS sangat membantu murid mengisi jawapan mereka dalam latihan pengukuhan yang guru siapkan. Dalam jawapan yang murid berikan, jawapan murid sebenarnya betul tetapi kerana mereka menggunakan huruf besar bagi huruf pertama jawapan mereka, maka aplikasi dalam portal SLS memarkahkannya sebagai salah. Oleh itu, semasa guru menyediakan soalan-soalan dan jawapan-jawapan yang dikehendaki menggunakan portal SLS, bahagian jawapan itu perlu dipastikan boleh menerima jawapan tidak kira huruf besar atau kecil. Dengan cara ini guru dapat mengumpulkan data jawapan murid dengan tepat. Sebelum menjalankan latihan menggunakan portal SLS, guru juga perlu memastikan bahawa kata laluan murid boleh diakses portal SLS. Jika hal-hal ini dapat ditangani sebelum pengajaran imbuhan dijalankan, pastinya proses pembelajaran ini dapat berjalan lancar dan objektif pengajaran dapat dicapai dengan lebih berkesan lagi.

KESIMPULAN

Arus kemodenan dan globalisasi serta pandemik COVID-19 telah mengubah landskap PdP Bahasa Melayu. Profil murid juga sudah berubah; terdapat ramai murid bukan Melayu yang telah memilih bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda di sekolah. Murid yang berbangsa Melayu sendiri kini juga berasa semakin janggal berbahasa Melayu dan lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris. Malah, ada yang telah menyarankan bahasa Melayu diajar sebagai bahasa asing dan bukan Bahasa Ibunda.

Justeru, untuk membantu murid zaman ini, pendekatan seperti formula akrostik akan memudahkan mereka mempelajari cara yang tepat untuk membubuhkan imbuhan p,t,s, dan k yang bersifat kompleks. Penggunaan ICT juga sangat dialu-alukan kerana murid-murid kini merupakan peribumi digital yang telah didedahkan kepada penggunaan media sosial pada usia yang sangat muda.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Badrolhaizat Kamsin
2. Siti Zubaidah Shaik Ibrahim



RUJUKAN

- Farihatun (2014). *Penggunaan Teknik Akrostik Dalam Upaya Peningkatan Penguasaan Kosakata Bahasa Prancis pada Siswa Kelas X C SMA Negeri 2 Sleman*. Diperoleh 20 20 Oktober 2021 dari <http://eprints.uny.ac.id/20022/1/Farihatun241020.pdf%2010204>
- Imam Gunawan & Anggarini Retno Palup, (2012). Taksonomi Bloom-Revisi Ranah Kognitif: Kerangka Landasan untuk Pembelajaran, Pengajaran dan Penilaian. *Premiere Educandum: Jurnal Pendidikan Dasar dan Pembelajaran*, 2. Diperoleh 20 Oktober 2021 dari <http://e-journal.unipma.ac.id/index.php/PE/article/view/50/47https%3A>
- Kamarudin Hj, Husin, 1996. *Pedagogi bahasa*. Selangor Darul Ehsan. Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Slavin, R.E. (1997). *Educational Psychology: Theory and Practice*. (5th ed.) USA: Allyn and Bacon.
- S Vijayaletchumy, 2020. *Ulang Tahun ke-10 Pusat bahasa Melayu Singapura: Tekad Sedekad*. Kertas Ucaptama. Pusat bahasa Melayu Singapura: Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura.
- Sutrisno, (2008). *Memfaatkan teknik-teknik teruji untuk membaca lebih cepat dan mengingat secara maksimal*. Jakarta: Gramedia Pustaka Indonesia.